

26/09/1998

Kesatuan penghulu, penggawa sokong langkah PM

MELAKA, Jumaat - Kesatuan Penghulu dan Penggawa Semenanjung Malaysia cawangan Melaka (KPPSMCM) menyokong tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim atas alasan salah laku seksual.

Timbalan Pengerusi KPPSMCM, Ismail Ibrahim, berkata ikrar sokongan penghulu itu dinyatakan dalam pertemuan dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin di Seri Negeri, baru-baru ini.

Katanya, KPPSMCM yakin dengan tindakan yang diambil Perdana Menteri berasaskan bukti kukuh.

"KPPSMCM percaya walaupun sebilangan besar rakyat sukar menerima kenyataan Anwar dipecat atas alasan tidak bermoral, lama kelamaan mereka akan menerima hakikat apabila bekas Timbalan Perdana Menteri itu dihadapkan ke mahkamah.

"Bukti semakin jelas dan kita mengharapkan orang ramai, terutama penyokong Anwar memahami keadaan sebenar," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Ismail berkata, sebagai badan paling rapat dengan masyarakat luar bandar, KPPSMCM akan turut memberikan penjelasan supaya rakyat tidak terpengaruh dengan gerakan reformasi Anwar.

Katanya, KPPSMCM tidak mahu penduduk luar bandar mudah percaya dan terjebak kepada gerakan itu yang tidak sesuai di negara ini.

"Rusuhan yang dibuat oleh penyokong Anwar membuktikan gerakan itu perlu ditolak rakyat," katanya.

(END)